

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan dan usaha bagi memperkenalkan pakaian patuh syariah bagi semua aktiviti dan pertandingan sukan yang dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pendirian Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk menggalakkan dan untuk menasihat tanpa wujudnya keperluan untuk memaksa. Saya beri contoh, kita melihat idola negara atlet gimnastik, Farah Ann Abdul Hadi, yang baru-baru ini telah berjaya menghentikan kemarau penyertaan Malaysia ke Sukan Olimpik khususnya untuk gimnastik, selama 16 tahun kita menunggu, dan akhirnya baru-baru ini beliau melayakkan diri ke Tokyo Olimpik 2020.

Lazimnya, bagi atlet gimnastik, mereka bermula seawal umur enam (6) tahun ke tujuh (7) tahun. Mereka berlatih sekurang-kurangnya enam hari dalam tempoh masa seminggu. Pada masa yang sama, aksi yang agak sukar untuk mereka pamerkan di mana mereka melakukan *multiple*

SOALAN NO : 2

twist and turn, mereka dicampak ke udara dan dengan satu kesilapan sahaja, boleh menyebabkan kecederaan seperti patah tangan, kaki dan tengkuk tetapi mereka tetap menempuh rintangan ini untuk membanggakan negara tercinta. Dan apabila mereka bersara, komposisi-komposisi tulang mereka terkesan dan akibatnya untuk jangka masa yang panjang.

2. Saya beri contoh juga atlet *The Pocket Rocketman* iaitu Azizulhasni Awang yang berlatih tujuh hari seminggu, yang kadang kala sehingga pengsan kerana beliau ingin membanggakan nama negara tercinta. Ini semua penting kerana sebelum kita melakukan apa-apa piawaian baharu, saya sentiasa syorkan semua pihak mendengar keluh-kesah, mendengar pandangan atlet dan persatuan sebelum kita merangka pelan jangka masa panjang.

Ketegasan ini juga daripada Kementerian akan diberikan kepada atlet-atlet yang memilih untuk memakai pakaian patuh syariah. Jika mereka memilih, kita akan menyokong mereka sama sahaja bagi mereka yang memakai pakaian selainnya kerana akhirnya jasa mereka kepada negara sangat besar. Jasa mereka kepada Malaysia sangat besar sebab itu kita tetap akan memberikan sokongan kepada mereka tidak kira apa pun pilihan pakaianya.

Sekian terima kasih.